

**PERATURAN PERTANDINGAN SUKAN MUAY THAI
SUKAN SABAH (SAGA) XI, TAWAU 2025
(LELAKI/WANITA)**

1.0 PERATURAN AM

- 1.1 Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut undang-undang **International Federation of Muaythai (IFMA)** dan **Persatuan Muaythai Malaysia (PMM)**.
- 1.2 Sekiranya timbulnya sebarang keraguan dari segi pentafsirannya, maka undang-undang dalam Bahasa Inggeris yang terkini akan dipatuhi.
- 1.3 Kejadian di luar jangkaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut:
- 1.3.1 Sebarang kejadian am akan diputuskan berasaskan kepada **Peraturan Am Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025**.
- 1.3.2 Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan berasas kepada undang-undang IFMA.
- 1.4 Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Muaythai Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025, adalah muktamad.

2.0 TARIKH PERTANDINGAN DAN TAKLIMAT PENGURUS PASUKAN

- 2.1 Taklimat Pengurus Pasukan : **11 Oktober 2025**
- 2.2 Pertandingan ini akan bermula pada **12 hingga 16 Oktober 2025**.

3.0 TEMPAT PERTANDINGAN

- 3.1 Pertandingan ini akan diadakan di **Dewan SJK (C) Yuk Chin, Tawau**.

4.0 PENYERTAAN

- 4.1 Penyertaan adalah terbuka kepada semua daerah seluruh Sabah. Penyertaan hendaklah dibuat melalui daerah masing-masing.
- 4.2 Setiap daerah hanya boleh mendaftarkan satu (1) pasukan lelaki dan satu (1) pasukan wanita terdiri daripada:

Jawatan	Lelaki	Wanita
Pengurus Pasukan	1 orang	
Jurulatih	2 orang	
Peserta / Petinju	12 orang	9 orang
Jumlah	24 orang	

- 4.3 Setiap pasukan dibenarkan menghantar satu (1) penyertaan bagi setiap acara sahaja.

5.0 KELAYAKAN JURULATIH

- 5.1 **Kelayakan seorang jurulatih yang mewakili Daerah wajib sekurang-kurangnya memiliki sijil kursus kejurulatihan asas muaythai yang dikendalikan oleh Persatuan Muaythai Negeri atau memiliki Sijil Perlesenan Kejurulatihan Kebangsaan Tahap 1.**
- 5.2 Bilangan pegawai dan jurulatih adalah merujuk kepada Peraturan Am Perkara 5.0 dimana daerah/kontinjen tidak menamakan jurulatih atau pengurus pasukan wanita, kontinjen berkenaan bolehlah mendaftarkan **seorang (1) Chaperon** dan segala perbelanjaan hendaklah ditanggung oleh daerah/kontinjen masing-masing.

6.0 KELAYAKAN PESERTA

- 6.1 Hanya peserta yang lahir pada **1 Januari 2005 hingga 31 Disember 2011 (14-20 tahun)** sahaja yang layak didaftarkan oleh sesuatu pasukan.
- 6.2 Semua pasukan hendaklah mengemukakan salinan **Kad Pengenalan** dan gambar berukuran Pasport semasa pendaftaran peserta.
- 6.3 Sebarang pertukaran peserta/atlet atau pindaan/pertukaran kategori perlu mengisi **Borang Y** (pertukaran atlet) dan dihantar kepada Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan sebulan sebelum kejohanan bermula.
- 6.4 Pendaftaran peserta adalah tertakluk kepada **Peraturan Am Perkara 4.8**.
- 6.5 Kelayakan atlet adalah merujuk kepada **Peraturan Am Perkara 4.9**.
- 6.6 **Tiada sebarang pertukaran ATLET dan ACARA boleh dibuat semasa dan selepas Taklimat Pengurus Pasukan.**

7.0 TAKLIMAT PENGURUS PASUKAN

- 7.1 Taklimat Pengurus Pasukan akan diadakan satu (1) hari sebelum pertandingan pertama dijalankan.
- 7.2 Pengurus-pengurus Pasukan dikehendaki mengemukakan senarai nama peserta dengan Kad Pengenalan. **Tambahan kepada bilangan peserta yang telah didaftarkan tidak dibenarkan.**
- 7.3 Senarai peserta yang disahkan semasa Taklimat Pengurus Pasukan adalah muktamad.

8.0 TIMBANG BADAN DAN PEMERIKSAAN KESIHATAN

- 8.1 Timbang Badan dan Pemeriksaan Kesihatan akan dilakukan oleh Pegawai yang dilantik oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Muay Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025.
- 8.2 Seorang peserta dibenarkan menimbang berat badan satu (1) kali sahaja menggunakan timbang berat badan rasmi (*Official Scale*) pada hari perlawanan sebelah pagi mengikut jadual yang ditetapkan bermula dari jam 0800 pagi sehingga 0930 pagi khusus untuk atlet yang akan bertanding pada hari tersebut. . Sekiranya berat badan atlet tidak melepasi berat kategori yang didaftarkan dalam sistem, pertukaran kategori adalah tidak dibenarkan pada masa pertandingan.

- 8.3 Timbang badan dan pemeriksaan kesihatan rasmi akan dibuat pada hari pertama pertandingan mulai jam 0800 hingga 1000 bagi semua peserta. Untuk hari-hari perlawanan lain, hanya peserta yang mengambil bahagian pada hari berkenaan sahaja yang akan ditimbang dan diperiksa antara jam 0800 hingga 0930. Acara Muay akan dijalankan sekurang-kurangnya tiga (3) jam selepas timbang badan dan pemeriksaan kesihatan dijalankan.
- 8.4 Peserta acara seni hanya perlu membuat pemeriksaan kesihatan setiap kali pertandingan dan tidak perlu untuk timbang berat.

9.0 KATEGORI-KATEGORI YANG AKAN DIPERTANDINGKAN

- 9.1 Kategori yang akan dipertandingkan adalah seperti berikut:

Kategori			
Bil	Lelaki	Bil	Wanita
1	42 - 45kg	1	42 - 45kg
2	45 - 48kg	2	45 - 48kg
3	48 - 51kg	3	48 - 51kg
4	51 - 54kg	4	51 - 54kg
5	54 - 57kg	5	54 - 57kg
6	57 - 60kg	6	57 - 60kg
7	60 - 63.5kg	7	Wai Kru (Seni Solo)
8	63.5 - 67kg	8	Mai Muay (Seni Duo)
9	67 - 71kg		
10	Wai Kru (Seni Solo)		
11	Mai Muay (Seni Duo)		

10.0 SISTEM PERTANDINGAN

- 10.1 **Bout.** Setiap bout kategori lelaki akan mengandungi tiga (3) pusingan dan setiap pusingan akan berjalan selama tiga (3) minit. Rehat antara pusingan adalah satu (1) minit. Bagi kategori wanita akan mengandungi tiga (3) pusingan dan setiap pusingan akan berjalan selama tiga (3) minit. Rehat antara pusingan adalah satu (1) minit.
- 10.2 Wai Kru. Format individu, masa minimum yang dibenarkan adalah tiga (3) minit dan jumlah masa yang dibenarkan adalah empat (4) minit.
- 10.3 Mai Muay. Format duo, minimum yang dibenarkan masa ialah empat (4) minit dan jumlah masa yang dibenarkan ialah lima (5) minit.
- 10.1 **Undian.** Selepas pemeriksaan kesihatan dan timbang berat badan rasmi yang pertama, upacara pengundian akan dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal di hadapan Pengurus- pengurus Pasukan.

11.0 PAKAIAN

- 11.1 Peserta hanya dibenarkan memakai singlet dan memakai seluar mengikut undang- undang yang ditetapkan oleh IFMA.
- 11.2 Warna singlet mestilah mengikut warna sudut iaitu sama ada biru atau merah.

- 11.3 Bagi acara seni, kostum mesti terdiri daripada pakaian tradisional muay yang bersesuaian dengan atlet wanita dan lelaki dan aksesori termasuk pengikat tangan tradisional dan tali pinggang selempang.

12.0 JURI

- 12.1 Pengadil akan dilantik oleh Persatuan Muaythai Negeri Sabah.
- 12.2 Tugas-tugas Juri dan Pengadil adalah seperti dalam undang-undang IFMA.

13.0 PENGADIL DAN HAKIM SERTA PASUKAN PERUBATAN

- 13.1 Pengarah Pertandingan dan Teknikal Delekat akan dilantik oleh Persatuan Muaythai Negeri Sabah yang akan berhubung terus dengan Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Sukan Sabah XI, Tawau 2025.
- 13.2 Komposisi pegawai pertandingan setiap perlawanan adalah mengikut undang-undang IFMA.
- 13.3 Bagi acara seni setiap pertandingan hendaklah diketuai oleh sekurang-kurangnya tiga (3) juri yang akan duduk di atas platform pentas secara berasingan daripada orang ramai dan di dalam kawasan pertandingan. Setiap pertandingan hendaklah diambil oleh lima (5) hakim yang akan duduk berasingan daripada orang ramai dan berada di dalam kawasan pertandingan.
- 13.4 Persatuan Muaythai Negeri Sabah (PMNS) akan melantik dua (2) orang Pegawai Perubatan khusus/spesifik untuk Sukan Muaythai. Manakala, pasukan perubatan dan paramedik yang ditetapkan mengikut ketetapan PMNS adalah satu (1) ambulan, dua (2) Pegawai Perubatan dan empat (4) Pembantu Perubatan.

14.0 BANTAHAN

- 14.1 Hanya Pengurus Pasukan sahaja dibenarkan membuat bantahan. Bantahan hendaklah secara bertulis dan disertakan dengan bayaran sebanyak **RM500.00**.
- 14.2 Bayaran deposit akan lupus jika bantahan yang dikemukakan itu didapati tidak wajar.
- 14.3 Setiap bantahan hendaklah dihantar kepada Ketua Pertandingan dalam masa tiga puluh (30) minit selepas keputusan diumumkan.
- 14.4 Semua keputusan bantahan akan diumumkan sebelum jam 10:00pm malam pada hari yang sama.
- 14.5 Segala keputusan adalah muktamad.

15.0 JAWATANKUASA TATATERTIB

- 15.1 Perlantikan Jawatankuasa Tatatertib dan prosedur atur cara mesyuarat adalah seperti yang digunakan oleh Persatuan Muaythai Malaysia seperti berikut:
- 15.1.1 Pengerusi Jawatankuasa Tatatertib Persatuan Muaythai Negeri Sabah;
- 15.1.2 Setiausaha Jawatankuasa Pengelola;
- 15.1.3 Semua Pengurus Pasukan yang tidak terlibat dalam kes tatatertib itu.

- 15.2 Jawatankuasa Tatatertib akan bersidang dalam masa dua (2) jam setelah menerima laporan dari Pengadil atau Pegawai Pertandingan dan akan membuat sesuatu keputusan jika tindakan tatatertib perlu diambil.
- 15.3 Jawatankuasa Tatatertib berhak mendapatkan sebarang maklumat dari mana-mana pihak yang berkaitan dengan perkara yang dibincangkan untuk membuat sesuatu keputusan.

16.0 HADIAH-HADIAH

- 16.1 Pingat-pingat kemenangan akan disediakan seperti berikut:

Kategori Lelaki	Emas	Perak	Gangsa
Kategori 42 - 45 kg	1	1	2
Kategori 45 - 48 kg	1	1	2
Kategori 48 - 51 kg	1	1	2
Kategori 51 - 54 kg	1	1	2
Kategori 54 - 57 kg	1	1	2
Kategori 57 - 60 kg	1	1	2
Kategori 60 - 63.5 kg	1	1	2
Kategori 63.5 - 67 kg	1	1	2
Kategori 67 - 71 kg	1	1	2
Wai Kru Seni Solo	1	1	1
Mai Muay Seni Duo	1(2)	1(2)	1(2)
Jumlah	11(12)	11(12)	20(21)

Kategori Wanita	Emas	Perak	Gangsa
Kategori 42 - 45 kg	1	1	2
Kategori 45 - 48 kg	1	1	2
Kategori 48 - 51 kg	1	1	2
Kategori 51 - 54 kg	1	1	2
Kategori 54 - 57 kg	1	1	2
Kategori 57 - 60 kg	1	1	2
Wai Kru Seni Solo	1	1	1
Mai Muay Seni Duo	1(2)	1(2)	1(2)
Jumlah	8(9)	8(9)	14(15)